



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI



SIARAN MEDIA

PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT (PSH) MERAH BAKAT DAN MENJANA PENDAPATAN

KAJANG, 14 Oktober 2023 –.Mungkin anda kerap mendengar tentang Pembelajaran Sepanjang Hayat atau singkatannya PSH. Ia merupakan aktiviti pembelajaran yang dilakukan sepanjang hidup dengan tujuan meningkatkan kemahiran kompetensi untuk kemajuan diri. PSH telah menjadi prinsip hidup dan amalan warga Malaysia yang merangkumi semua peringkat umur. PSH dapat memupuk minat dan menyerlah bakat komuniti serta menjadi platform bagi seseorang individu untuk mempelajari kemahiran baharu melalui kursus-kursus pembelajaran sepanjang hayat yang disediakan.

Percaya atau tidak, Pembelajaran Sepanjang Hayat dapat membantu menjana pendapatan yang lumayan. Selain daripada menggali minat dan bakat, PSH turut membantu menaikkan taraf hidup keluarga dari segi ekonomi dan mampu menggembleng potensi individu yang masih mencari peluang pekerjaan serta meningkatkan kemahiran diri sendiri.

“PSH memberi impak yang besar kepada masyarakat di mana terdapat peserta kursus PSH kami menggunakan kemahiran yang dipelajari dengan menjalankan perniagaan secara atas talian serta menjadikan ia sebagai kerja sampingan. Ini secara tidak langsung dapat membantu mereka meningkatkan pendapatan keluarga.” Kata Puan Roszita binti Shamsuddin, Pengarah Kolej Komuniti Hulu Langat.

“Sehingga 11 Oktober 2023 ini, peserta kursus PSH KKHL telah mencapai seramai 4555 orang. Antara kursus kemahiran yang mempunyai penyertaan tertinggi pada tahun ini adalah Kluster Katering dan Sajian iaitu seramai 1340 orang.”

Membudaya dan memperkasakan PSH telah menjadi salah satu fungsi dan peranan Kolej Komuniti Hulu Langat. Bagi memastikan PSH sentiasa dinamik dan dapat memupuk minat individu untuk kehidupan yang lebih bermakna, KKHL telah mengambil inisiatif bagi melaksanakan kursus PSH berimpak tinggi melalui pelbagai kluster pilihan kursus seperti kluster catering dan sajian, sains kesihatan, komputer dan teknologi maklumat, kecantikan dan dandanan, elektrik dan elektronik dan sebagainya. Pihak KKHL berharap melalui PSH, pemikiran dan sikap ingin tahu dapat dilahirkan dalam kalangan individu bagi mencapai matlamat membudayakan pembelajaran sepanjang hayat.

Sejajar dengan matlamat Kementerian Pendidikan Tinggi untuk menjadikan Kolej Komuniti sebagai institusi yang memartabatkan peningkatan kemahiran komuniti melalui kursus-kursus PSH serta mencapai sasaran minimum peserta kursus PSH seramai 10,000 orang pada satu masa untuk **Malaysia Book of Records (MBOR)** yang dilaksanakan di seluruh Kolej Komuniti Malaysia. KKHL telah menganjurkan Karnival Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) Komuniti Madani di perkarangan kolej pada hari ini yang dihadiri penduduk sekitar daerah Hulu Langat.

Bagi memeriahkan Karnival PSH Komuniti Madani KKHL pelbagai aktiviti telah diadakan antaranya *Fun Walk*, Hari Bertemu Pelanggan, Kursus Penyediaan Nasi Arab, Kursus Pengendalian Makanan dan Perlesenan, Kursus *Confinement Lady*, Kursus Teknik Persembelihan Patuh Syarak, Kursus *4IR Embedded IOT Hardware*, pameran agensi - agensi seperti (MPKj, MBI, Mamacare, Maybank, Agrobank, KWSP, PERKESO), *Mini Games* (Permainan Tradisional) dan jualan keusahawanan (Pelajar dan Usahawan PSH).

- TAMAT -

Dikeluarkan oleh :

JAWATANKUASA MEDIA DAN PROMOSI

KARNIVAL PSH KOMUNITI MADANI

KOLEJ KOMUNITI HULU LANGAT